

15 FEB 1999
Hamid-Sekularisme
UMNO BUKAN PARTI SEKULAR

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman menolak dakwaan PAS bahawa kerajaan yang ada sekarang adalah kerajaan sekular yang hanya mementingkan kehidupan di dunia semata-mata.

Katanya, segala kemudahan yang disediakan adalah untuk kesejahteraan hidup di dunia tetapi ini tidak pula bererti kerajaan menolak adanya kehidupan lain di akhirat.

"Tiada seorangpun pemimpin Umno yang percaya kepada kehidupan di dunia semata-mata. Kerajaan buat jalan, bangunan, menyediakan bekalan elektrik dan air, serta telekomunikasi untuk kesejahteraan di dunia kerana ia tidak dilarang oleh Islam.

"Yang dilarang ialah sekularisme iaitu kepercayaan bahawa hidup kita di dunia sahaja tiada balasan di akhirat. Tak ada langsung dalam hati kita tiadanya akhirat kerana itu bercanggah dengan akidah kita. Kehidupan kita (ada) berhubung dengan akhirat maknanya kalau kita tipu orang, ada balasannya di akhirat kalau yang menipu itu tidak ditangkap atas dunia," katanya.

Abdul Hamid, yang ditemui selepas Multaqa Imam-imam Wilayah Persekutuan di Pusat Islam di sini, berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat baru-baru ini bahawa Umno adalah parti sekular.

Dalam kenyataannya semasa ditemuramah sebuah akhbar berbahasa Melayu itu, Nik Aziz juga menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "seorang Perdana Menteri yang bijak dan pintar tetapi menyalahgunakan kepintaran yang diberi Allah kepadanya untuk tujuan sekularisme".

Abdul Hamid berkata, seseorang yang alim juga boleh menjadi tidak alim sekiranya dia asyik mengelirukan orang ramai.

Mengenai tuduhan pemimpin Pas itu bahawa Umno adalah parti yang asasnya bukan kepada Islam, Abdul Hamid berkata tuduhan itu adalah tuduhan yang melulu.

"Kita menegakkan Islam dalam negara ini berdasarkan dua aspek: pertama, fardu ain iaitu pegangan agama dan akidah, dan kedua: fardu kifayah iaitu kehidupan dan kesejahteraan di dunia.

"Jika kita hendak meninggikan syiar Islam dalam dunia perlu ada kedua-duanya. Orang Islam yang bertakwa dan warak kehidupannya tinggi tetapi kalau warak sahaja tetapi kehidupan meleset, syiar Islam tidak akan tinggi.

"(Begitu juga sekiranya) kehidupan dunia tinggi akidah tak betulpun tak boleh. Kita tidak menolak Islam tetapi kita perjuangkan kehendak Islam secara total dan betul iaitu (dengan mementingkan) kesejahteraan di dunia dan di akhirat," katanya.

-- BERNAMA
RA AHH AKD